



NUR
power

reliable
quality
energy

Pelaksanaan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) & Mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) di Kulim Hi-Tech Park

Pengenalan Kepada IBR Bagi NUR Power

Apakah maksud Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR)?

IBR adalah satu bentuk kawal selia ekonomi yang diguna pakai secara meluas di seluruh dunia. IBR diperkenalkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi memastikan wujudnya industri bekalan tenaga elektrik yang mampan melalui pulangan telus dan adil di samping menggalakkan kecekapan maksimum.

Pelaksanaan IBR memastikan yang NUR beroperasi secara cekap dan mengenakan caj tarif tenaga elektrik pada harga berdaya saing kepada para pelanggan. IBR menyediakan hubungan kait antara perolehan yang diperlukan oleh NUR dengan pelaksanaan kecekapan kos secara beransur-ansur melalui rangka kerja insentif berasaskan ganjaran dan penalti.

Apakah komponen kos yang terlibat dalam pembekalan tenaga elektrik kepada para pelanggan?

Semua kos yang berkaitan dengan penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik kepada pengguna akhir iaitu

- Kos bahan api (contohnya gas asli yang digunakan oleh penjana)
- Kos operasi dan penyelenggaraan bagi prasarana industri bekalan tenaga elektrik
- Pemerolehan alat ganti dan kelengkapan
- Perbelanjaan modal untuk projek prasarana – contohnya rangkaian penghantaran dan pengagihan, pencawang, pusat kawalan dan loji kuasa

Apakah tarif yang akan dikenakan terhadap para pelanggan di bawah IBR?

Buku kecil (booklet) tarif semakan terkini akan memperincikan tarif bagi setiap kategori pelanggan. Sila layari laman sesawang kami <http://www.nur.com.my>

ICPT Bagi NUR Power

Apakah Maksud Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT)?

ICPT ialah mekanisme yang diluluskan oleh Kerajaan dan dilaksanakan oleh ST sebagai sebahagian daripada reformasi kawal selia lebih luas yang dipanggil Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR). Mekanisme ICPT membolehkan NUR menunjukkan perubahan (sama ada kenaikan atau penurunan) yang disebabkan oleh turun naik kos bahan api dan penajaan dalam tarif tenaga elektrik setiap enam (6) bulan, tertakluk kepada keputusan dan kelulusan Kerajaan.

Bilakah IBR dan ICPT akan dilaksanakan di KHTP?

Pelaksanaan IBR dan ICPT akan mula berkuat kuasa dari 1 Ogos 2016.

Siapakah yang bertanggungjawab ke atas kaedah pengiraan ICPT?

ST sebagai pengawal selia tenaga di Malaysia menentukan pengiraan dan perkaedahan ICPT, tertakluk kepada kelulusan Kerajaan setiap 6 bulan.

Siapakah yang akan menerima kesan ICPT ini?

ICPT akan dikenakan kepada semua pelanggan KECUALI para pelanggan Domestik dengan penggunaan bulanan sebanyak 300 kWh (RM77.00) dan ke bawah.

Apakah impak ICPT terhadap bil elektrik saya?

ICPT adalah caj yang dikenakan bagi setiap kWh tenaga elektrik yang digunakan. ICPT merupakan komponen pembolehubah dalam bil elektrik yang dicaj berdasarkan tenaga elektrik yang digunakan oleh anda setiap bulan.

ICPT ialah caj "pelepasan" langsung dan pengiraannya adalah berdasarkan bilangan kWh yang digunakan dalam sebulan didarab dengan kadar ICPT (dalam sen/kWh). Caj ICPT itu kemudiannya akan ditambah atau ditolak daripada jumlah bil semasa anda.

Adakah semua pelanggan membayar jumlah caj ICPT yang sama?

Caj ICPT dalam bil elektrik anda mungkin berbeza dengan jiran anda memandangkan caj ICPT itu bergantung pada tenaga yang digunakan oleh anda (kWh) dalam sebulan. Oleh yang demikian jumlah ini berubah daripada seorang pelanggan kepada pelanggan yang lain, dan dari bulan ke bulan, bergantung pada penggunaan tenaga.



NUR
power

reliable
quality
energy

Implementation of Incentive Based Regulation (IBR) & Imbalanced Cost Pass Through (ICPT) Mechanism in Kulim Hi-Tech Park

Introduction Of IBR For NUR Power

What is Incentive Based Regulation (IBR)?

IBR is a form of economics regulation which is widely adopted worldwide. IBR was introduced by the Energy Commission (EC) to ensure a sustainable electricity supply industry through transparent and fair returns whilst promoting maximum efficiency.

IBR implementation ensures that NUR operates efficiently and charges customers competitively priced electricity tariff. It provides linkages between revenues required by NUR to the delivery of costs efficiencies over time through an incentive framework based on rewards and penalties.

What are the cost components involved in supplying electricity to customers?

All costs associated with generation, transmission and distribution of electricity to the end-users i.e.

- Fuel costs (e.g. natural gas utilised by the generators)
- Operation and maintenance costs for the electricity supply industry infrastructure
- Procurement of parts and equipment
- Capital expenditures for infrastructure projects – e.g. transmission and distribution network, sub-stations, control centers and power plants

What tariff will be charged to the customers under IBR?

The revised tariff booklet will detail out the tariffs for each categories of customers. Please visit our webpage <http://www.nur.com.my>

ICPT For NUR Power

What Is Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)?

The Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) is a mechanism approved by the Government and implemented by EC as part of a wider regulatory reform called the Incentive Based Regulation (IBR). ICPT mechanism allows NUR to reflect changes (either increase or reduction) due to the fluctuations in fuel and generation costs in the electricity tariff every six (6) months, subject to Government's decision and approval.

When will the IBR and ICPT be implemented at KHTP?

The IBR and ICPT will be implemented effective from 1 August 2016

Who is responsible for ICPT calculation methodology?

EC as Malaysia's energy regulator determines the calculation and methodology of the ICPT, subject to Government approval on a 6-monthly basis

Who will be affected by this ICPT?

The ICPT will be applicable to all customers EXCEPT Domestic customers with monthly consumption of 300 kWh (RM 77.00) and below.

How will the ICPT impact my electricity bill?

It is a charge that is applicable for every kWh of electricity consumed. ICPT is a variable component in the electricity bill where the ICPT is charged based on your consumption of electricity on a monthly basis. The ICPT is straight "pass-through" charge and its calculation is the number of kWh consumed in a month multiplies by the ICPT rate (in sen/kWh). The ICPT charge will then be added to or subtracted from your current bill amount

Do all customers pay the same amount of ICPT charges?

The ICPT charge on your electricity bill may differ from your neighbour's as the ICPT charge depends on your energy consumption (kWh) in a month. Therefore this amount varies from one customer to another, and from month to month, depending on the energy consumption